

PROGRAM 1 MURID 1 IPAD

SOALAN LAZIM.

1) Kenapa Program 1 Murid 1 iPad dilaksanakan di SRI Seremban?

Program 1 Murid 1 iPad ini dijalankan untuk mencapai pendidikan yang menepati dengan Pendidikan Abad Ke-21 dan kemajuan Revolusi Perindustrian Keempat (I.R 4.0). Selain itu, dalam merevolusikan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan PdPc Abad 21 Sekolah SRI Seremban telah memperkasakan pembelajaran digital kepada murid.

Sekolah SRI Seremban merupakan sekolah agama swasta yang pertama sebagai perintis dalam penggunaan peranti Apple iaitu iPad. iPad adalah instrumen transformasi untuk merevolusikan pembelajaran dan mengintegrasikan teknologi kurikulum dalam membina imej SRI Seremban setaraf dengan perkembangan dalam teknologi pendidikan masa kontemporari.

2) Kenapa iPad menjadi pilihan SRI Seremban?

Apple telah melancarkan program pembelajaran profesional untuk pendidikan iaitu *Apple Education*. Terdapat 3 program yang diperkenalkan secara percuma sebagai inisiatif kepada dunia pendidikan. Program yang pertama ialah *Apple Teacher*, program ini adalah bertujuan untuk membantu guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Apple telah menyediakan beberapa aplikasi yang membantu guru dan murid dalam pembelajaran. Antara aplikasi tersebut ialah *Pages*, *Numbers*, *Keynote*, *Swift Playgrounds*, *iMovie*, *GarageBand* dan *Clips*.



Program yang kedua adalah *Apple Distinguished Educator (ADE)* yang berfokuskan kepada kecemerlangan pendidikan dan kepimpinan. ADE menggalakan penghasilan bahan pendidikan yang menggunakan teknologi Apple sama ada dari dalam dan luar bilik darjah. Penghasilan yang melibatkan idea baharu dan inovasi.

Program yang ketiga pula ialah *Apple Professional Learning Provider* (APLP) dan *Apple Professional Learning Specialist* (APLS) iaitu program yang akan membekalkan satu program kejurulatihan professional yang dapat membekalkan latihan dalam penghasilan bahan pendidikan melalui teknologi Apple kepada guru dan murid.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut boleh layari laman web Apple :

<https://www.apple.com/my/education/k12/>

3) Apakah model iPad yang disarankan oleh sekolah?

Ibubapa boleh memilih mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Antara storan yang ada dipasaran sekarang adalah seperti berikut :

- a) 9th Gen Rom 64gb (RM1,499)
- b) 9th Gen Rom 256gb (RM2,299)
- c) 10th Gen Rom 64gb (RM1,959)
- d) 10th Gen Rom 256gb (RM2,709)

4) Boleh saya beli iPad dengan saiz storan yang lebih kecil?

Sekolah menyarankan agar ibubapa / penjaga membeli iPad dengan storan yang besar . Hal ini kerana penggunaan dalam pendidikan yang memerlukan lebih besar ruangan memori untuk penghasilan bahan pendidikan. Minimum saiz 32GB.

5) Bagaimana dari segi kawalan penggunaan oleh murid?

a. Apple Classroom:

- i. Apple telah mewujudkan aplikasi “*Apple Classroom*” untuk penggunaan dalam pendidikan. Guru yang akan mengajar pada satu-satu sesi boleh mengawal iPad murid dari iPad guru itu sendiri. Sebagai contoh murid tidak dapat membuka aplikasi *games* ketika guru sedang mengajar kerana iPad mereka dikawal secara “*remote*” oleh guru.

b. Mobile Device Management (MDM):

- i. MDM ini adalah satu aplikasi yang disediakan oleh Apple untuk membantu pihak sekolah mengawal penggunaan iPad di luar waktu bilik darjah. Aplikasi ini akan mengunci segala aplikasi yang ditetapkan oleh admin mengikut waktu telah ditetapkan. Sebagai contoh pihak sekolah boleh menyahaktifkan selain aplikasi yang bukan bertujuan digunakan untuk pendidikan pada waktu persekolahan.

6) Bagaimana murid mengurus dan mengendalikan iPad mereka?

- a. Murid bawa iPad setiap hari ke sekolah.
- b. Waktu rehat iPad disimpan di dalam kelas.
- c. SOP pengendalian iPad akan dikeluarkan oleh unit HEM.

7) Bagaimana sekiranya iPad anak saya rosak?

Apple memberikan jaminan 1 tahun penggunaan kecuali bagi kerosakan skrin adalah di bawah tanggungan sendiri. Sekiranya, ibu/bapa ingin menambah tempoh jaminan iPad 1 tahun lagi, permohonan boleh dibuat kepada pembekal dengan bayaran RM279. Jaminan ini hanya untuk kerosakan *hardware* dan *software* tetapi **TIDAK** untuk kerosakan peranti seperti kerosakan skrin, *water damager* dan kehilangan.

Pembelian melalui pembekal sekolah juga membolehkan ibubapa / penjaga memilih untuk melanggan pelan perlindungan (Smart Protection Plan – SPP) untuk iPad anak-anak (tertakluk kepada perubahan semasa oleh pihak pembekal). SPP memberi jaminan kepada kerosakan skrin, *water damage* dan kehilangan bergantung kepada jenis SPP yang dilanggan. Langganan SPP hanya boleh diperbaharui sehingga tempoh 3 tahun sahaja.

8) Bagaimana sekiranya anak saya kehilangan iPad (dicuri)?

Apple mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi di mana sistem *IOS* tidak boleh dicerobohi dengan sewenang-wenangnya tanpa mengetahui *Apple ID* pemilik. iPad juga dikawal oleh *Mobile Device Management (MDM)* menyebabkan peranti tidak boleh diceroboh melalui mana-mana aplikasi pihak ketiga.

Sekiranya murid kehilangan iPad di kawasan sekolah, pihak sekolah akan membantu dengan mengesan iPad melalui CCTV yang terdapat di dalam kelas dan di sekitar kawasan *hotspot* sekolah.

9) Bagaimana cara untuk saya memiliki atau membeli iPad?

- a. Ibubapa boleh membuat pembelian iPad melalui :
 - i. Di Butik Switch Aeon Seremban 2, Seremban Gateway dan Aeon Mall Nilai. Dapatkan surat pengesahan murid dahulu daripada sekolah sebelum ke butik.
 - ii. Melalui Sekolah SRI Seremban, dengan dua cara iaitu secara tunai dan ansuran.

- b. Sekiranya saya ingin membuat pembelian terus daripada Butik Switch, bagaimanakah caranya?
- Anda boleh terus ke Butik Switch dan maklumkan pembelian di bawah Sekolah SRI Seremban.
 - Online Banking* dan *Credit Card* dengan bayaran biasa. Terdapat beberapa pilihan ansuran melalui pembayaran *Credit Card*, anda boleh rujuk gambar rajah dibawah (tertakluk kepada perubahan semasa oleh pihak pembekal):

Retail's instalment payment option					
Participating banks	3 months	6 months	12 months	18 months	24 months
 AFFIN BANK		✓	✓		
 CIMB BANK	✓	✓	✓		✓
 Hong Leong Bank		✓	✓	✓	✓
 HSBC		✓	✓		
 Maybank		✓	✓	✓	✓
 PUBLIC BANK		✓	✓	✓	✓
 RHB		✓	✓		
 Standard Chartered		✓	✓		✓
 UOB		✓	✓	✓	✓

✓ No PWP required ✓ PWP required

PWP: Purchase with purchase

Terms and conditions apply.

- c. Sekiranya saya ingin membuat pembelian melalui Sekolah SRI Seremban apakah pilihan pembiayaan yang disediakan?
- Pembelian tunai.
 - Ansuran 12 dan 24 bulan. Tertakluk kepada terma dan syarat.
- d. Apakah syarat ansuran tersebut?
- 12 bulan ansuran hanya kepada murid tahun 6 & tingkatan 3, 5.
 - 24 bulan ansuran hanya kepada murid tahun 4, 5 kebawah & tingkatan 1,2 & 4.

1.1 Jadual Pilihan Ansuran yang dibenarkan

Tahun/Tingkatan	Pilihan ansuran	
	12 bulan	24 bulan
Tahun 4	✓	✓
Tahun 5	✓	✓
Tahun 6	✓	✗
Tingkatan 1	✓	✓
Tingkatan 2	✓	✓
Tingkatan 3	✓	✗
Tingkatan 4	✓	✓
Tingkatan 5	✓	✗

10) Sekiranya saya baru membeli tablet dari jenama lain (bukan iPad Apple), bolehkah saya dikecualikan dalam pembelian iPad?

Tablet bukan jenama Apple tidak dapat menyokong sistem aplikasi yang disediakan oleh Apple seperti “*Apple Classroom*” untuk kawalan kelas. Murid akan ketinggalan dalam penggunaan aplikasi yang terdapat dalam IOS. Guru dan admin tidak dapat mengawal penggunaan peranti murid. Peranti juga mudah untuk dicuri kerana ciri keselamatan tidak kuat.

11) Sekiranya anak saya sudah memiliki iPad, adakah saya perlu membuat pembelian lagi?

Sekiranya iPad anak tuan adalah model tahun 2018 ke atas, iPad tersebut masih sesuai digunakan dalam pembelajaran. Tetapi sekiranya model tersebut adalah tahun 2017 terdahulu akan terdapat beberapa *apps* yang tidak disokong oleh IOS peranti tersebut. Kebiasaannya, tahap kemaskini sistem IOS peranti sesuai dalam tempoh 3 hingga 5 tahun mengikuti peredaran teknologi semasa.

12) Sekiranya mengikut syarat, saya masih tidak mampu untuk membeli iPad tersebut?

Tuan/puan boleh menghubungi bahagian kewangan Sekolah SRI Seremban untuk perbincangan lanjut bagi mendapatkan bantuan iPad pinjaman dengan sekolah (tertakluk kepada terma dan syarat).

13) Bila boleh saya membuat pembelian iPad?

- a. Pembelian melalui sekolah – tuan/puan boleh mengisi *google form* yang akan diedarkan melalui *group Whatsapp* kelas untuk tempahan awal (pre-order).
- b. Tempahan yang telah dibuat melalui sekolah tidak boleh ditukar *spec* atau dibatalkan.
- c. Pembelian terus daripada Butik Switch – bila-bila masa sebelum sesi persekolahan 2023 bermula.

14) Bolehkah saya membuat tuntutan pengecualian cukai (LHDN) ke atas pembelian iPad di bawah pakej *edu price*?

Setiap pembelian di bawah pakej *edu price* tidak layak mendapat pengecualian cukai LHDN.

15) Sekiranya saya membuat pembelian sendiri dengan Butik Switch atau melalui laman sesawang Switch apakah langkah seterusnya yang perlu saya lakukan ?

iPad tersebut perlu dihantar ke Unit ICT Sekolah SRI Seremban untuk pendaftaran peranti dan pemasangan perisian *Mobile Device Management* (MDM).

16) Adakah Apple Pencil menjadi keperluan untuk anak saya?

Apple Pencil adalah satu alat peranti tambahan yang penting untuk kegunaan murid semasa pembelajaran. Kegunaan Apple Pencil adalah untuk kegunaan membuat lakaran dan menulis secara *hand writing* dengan mudah di atas iPad. Harga *Apple Pencil* original adalah RM429.00.

17) Adakah saya mempunyai pilihan lain selain daripada membeli *Apple Pencil* original?

Ya. Tuan boleh memilih untuk membeli Stylus Pen yang sesuai dengan penggunaan Peranti IOS.

18) Di mana boleh saya dapatkan Stylus Pen tersebut ?

Tuan boleh membeli secara atas talian di kedai-kedai online seperti Shoppe dan Lazada atau di kedai-kedai yang menjual peranti elektronik.

19) Di pasaran terdapat 2 jenis iPad wifi dan wifi-celular. Apakah beza di antara 2 jenis iPad ini?

iPad terdiri daripada 2 jenis pilihan capaian internet iaitu wifi dan wifi-celular. Ipad wifi hanya membolehkan peranti menerima sambungan internet secara capaian wifi sahaja.

Manakala iPad wifi-celular membolehkan peranti menerima capaian internet secara wifi dan simkad. Di mana iPad mempunyai slot simkad.

Tetapi bagi penggunaan di sekolah hanya ipad wifi sahaja dibenarkan mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Disediakan oleh :

UNIT ICT SEKOLAH SRI SEREMBAN

Dikemaskini pada : 16 Januari 2023